

# IQRA

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bil. 07/2018 | JULAI | [www.library.uitm.edu.my](http://www.library.uitm.edu.my)



"LIBRARY for ALL" ISSN : 2289-9537



ISO 9001 : 2008 No Sijil : KLR 0500212

Hak Cipta Terpelihara  
©PTAR



[library.uitm](https://www.facebook.com/library.uitm)



[ptaruitm](https://www.instagram.com/ptaruitm/)



[perpustakaanuitm](https://www.youtube.com/user/perpustakaanuitm)

## PENYERAHAN TUGAS SEBAGAI PENGERUSI MAJLIS KETUA PUSTAKAWAN BAGI LANTIKAN 2018-2020



Pada 16 Julai 2018, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Majlis Ketua Pustakawan (MKP) Universiti Awam Bil. 2/2018 yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, PTAR. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Ketua Pustakawan/wakil tetap dari 20 universiti awam di Malaysia. Majlis Ketua Pustakawan Universiti Awam (MKP) berperanan sebagai sebuah platform kerjasama antara semua perpustakaan universiti awam untuk membincangkan isu-isu perpustakaan dari aspek pengurusan, pembangunan bahan rujukan, perkhidmatan, pengurusan ICT, repositori institusi, rekod dan arkib. Selain itu, MKP juga berperanan untuk menentukan halatuju perpustakaan bagi memastikan perpustakaan sentiasa relevan dan tampak di kalangan warga universiti, masyarakat dan negara.





Sebelum mesyuarat dimulakan, telah diadakan upacara penyerahan tugas sebagai Pengerusi oleh Ketua Pustakawan Universiti Utara Malaysia iaitu Encik Salleh Hudin bin Mustaffa kepada pengerusi yang baharu dilantik untuk tahun 2018-2020 iaitu Encik Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan Perpustakaan UiTM. Warga PTAR amat berbangga dengan pelantikan Encik Noor Hidayat bin Adnan sebagai Pengerusi MKP dan akan sentiasa memberikan sokongan kepada beliau di dalam menerajui kepimpinan MKP.

## GET CAUGHT READING JULAI 2018



# GET CAUGHT READING !! JULAI 2018



NAMA : REZZA QUHAIRIE BIN ABD RAHMAN  
FAKULTI : SAINS GUNAAN  
TAJUK BUKU: Usul fiqah prinsip-prinsip perundangan Islam  
ACC NO. : 947958  
CALL NO. : (D200) KBP 461 .A45 2010

NAMA : NURUL NADIAH BT SAMSUDIN  
FAKULTI : SAINS GUNAAN  
TAJUK BUKU: Internet dalam pendidikan  
ACC NO. : 847567  
CALL NO. : LB 1044.84 .R69 2007



- 03-5544 3716 (Kaunter Perkhidmatan Pelanggan)  
 03-5543 8581 (Meja Rujukan)  
 03-5521 1704 (Unit Komunikasi Korporat)  
 03-5544 3810 (Faksimili)
- korporatptar@salam UiTM.edu.my
- [www.library.uitm.edu.my](http://www.library.uitm.edu.my)
- [www.facebook.com/library.uitm](http://www.facebook.com/library.uitm)
- [www.instagram.com/ptaruitm](http://www.instagram.com/ptaruitm)
- [www.perpustakaanuitm.blogspot.my](http://www.perpustakaanuitm.blogspot.my)

## BENGKEL REFERENCE MANAGEMENT SOFTWARE: MENDELEY (BAHAGIAN I & II)



Tarikh & Masa: 24 Julai 2018 & 29 Julai 2018

Masa: 10.00 pagi – 1.00 petang

Tempat: Makmal Ibnu Sina, Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus  
Bukit Besi

Penceramah: En. Mohd Shahnizam Mat Zain

Peserta: 4 orang

Objektif: Meningkatkan kemahiran dan penguasaan peserta dalam penggunaan Reference Management Software iaitu Mendeley dalam memberikan tunjuk ajar kepada pengguna perpustakaan terutama ketika sesi Modul Interim bagi kod subjek LMS301: Reference Management Software: Mendeley



## SAMBUTAN HARI RAYA PERINGKAT UITM CAWANGAN JOHOR



**Tarikh: 12 Julai 2018, Khamis**

**Juadah: Aneka Kek**

**Tempat: Parkir Kenderaan UiTM Cawangan Johor**

Tahniah dan setinggi penghargaan kepada Warga PTDI diatas kesungguhan dan semangat kerjasama bagi menyiapkan booth Raya. PTDI telah menyumbangkan aneka kek sempena sambutan Hari Raya Peringkat UiTM Cawangan Johor. Semoga semangat kerjasama dan ukhuwah dapat diteruskan dalam apa juar program dan aktiviti.

**PROGRAM: KHIDMAT BANTU KEPAKARAN PUSAT SUMBER  
SEKOLAH BAGI PERSEDIAAN PSS PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018  
DI SK CHIKU 7 GUA MUSANG KELANTAN**

Kecemerlangan pihak PTAR dan Perpustakaan Tengku Anis (PTA) dalam menjayakan CSR : Library Make Over SMK Machang telah menjadikan PTA sebagai rakan strategik utama Bahagian Teknologi Pendidikan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan untuk memperkasakan pengurusan organisasi, bahan , dan perkhidmatan pusat sumber sekolah di Negeri Kelantan. Pihak BTPN telah menjalankan kerjasama dengan UiTM Cawangan Kelantan yang dterajui oleh pihak Perpustakaan Tengku Anis untuk khidmat bantu kepakaran pengurusan pusat sumber serta Fakulti Seni Lukis Seni Reka untuk khidmat bantu keceriaan Pusat Sumber Sekolah.

**Program Khidmat Bantu Kepakaran Pusat  
Sumber Sekolah Bagi Persediaan APSS Peringkat  
Kebangsaan Tahun 2018 di SK Ciku 7,  
Gua Musang Kelantan**



TARIKH: 10 - 12 JULAI 2018

Pihak PTA telah menjalankan khidmat bantu untuk keceriaan dan persiapan dokumen bagi tujuan penilaian Peringkat Kebangsaan di mana PSS SK Chiku 7 telah tersenarai sebagai calon . Dua orang pembantu Pustakawan En Mohd Hamka dan En Mohd Ridzuan telah dipinjamkan selama seminggu –berkampung di sekolah untuk membantu para guru-guru mengecat ,menghias ruang bacaan, menyusun semula koleksi bahan, manakala Pustakawan Kanan – Pn Rosmariyati memberikan tunjuk ajar dari segi pengurusan rekod dan dokumen bagi tujuan penilaian. Pihak PTA juga rombongan staf yang PTA untuk membantu kerja-kerja membersihkan ruang Pusat Sumber PSS serta menghias PSS Chiku 7.



## KAUNTER BERGERAK TABUNG HAJI @PERPUSTAKAAN




Tarikh: 10 – 11 Julai 2018 (2 hari)

Lokasi : Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

Usahasama: Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dengan kerjasama  
Unit Pentadbiran serta Tabung Haji

Perkhidmatan: pembukaan akaun Tabung Haji bagi dewasa serta kanak-kanak, simpanan wang,  
pendaftaran haji dan lain-lain.

## SHELF-READING



Tarikh: 17 Julai 2018:

Lokasi : Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

## KOLOKIUM INFORMASI, KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA (ICMMTC) 2018



Tarikh: 17 Julai 2018

Lokasi : Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

Peserta: 296 pelajar tahun akhir Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Melaka kampus Jasin

Tujuan : menarik minat pelajar tahun akhir menghasilkan penerbitan dalam bentuk penulisan akademik di samping mengkomersialkan projek yang telah dihasilkan selama tempoh setahun

## PERASMIAN PAMERAN GRAPHOLUTION 3.0 OLEH REKTOR UITM CAWANGAN MELAKA



Pameran Grapholution 3.0 anjuran Jabatan Grafik & Media Digital, Fakulti Senilukis & Seni Reka (FSSR) UiTM Cawangan Melaka telah dirasmikan pada 5 Julai 2017 oleh Rektor UiTM Melaka, Datuk Prof Madya Sabariah Hj Mahat yang berlangsung di Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka. Pameran ini mempamerkan hasil karya pelajar Program Diploma Seni Lukis Dan Seni Reka (Seni Reka Grafik Dan Media Digital - AD111), Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka.

## LAWATAN SEK.MEN.KEB BANDAR PUTRA, KULAI, JOHOR



Tarikh: 5 Julai 2018

Lokasi : Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka

Peserta: 80 orang pelajar dengan diiringi oleh 6 orang guru dari  
Sek.Men.Keb Bandar Putra, Kulai, Johor

Anjuran: Jabatan Grafik & Media Digital, Fakulti Senilukis & Seni Reka (FSSR)  
UiTM Cawangan Melaka

# PERKONGSIAN MAKLUMAT : PENETAPAN MODUL INFORMATION LITERACY SKILLS BAGI PELAJAR MINGGU INTERIM DI UITM



Tarikh: 10 Julai 2018

Lokasi : Bahagian Perpustakaan UiTM Kampus Jasin, Melaka

Taklimat Penjaanaan Bil Perpustakaan telah disampaikan oleh En.Ismail Abidin,  
Taklimat Penetapan Modul Information Literacy Skills beserta hands-on sistem eKKM disampaikan  
oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan dengan dibantu oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman.

Peserta: 16 orang staf dari ketiga-tiga kampus Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka.

# TAKLIMAT LIBRARY INFORMATION SKILL (INTERIM), UITM CAWANGAN MELAKA



Tarikh: 30 - 31 Julai 2018

Lokasi : Taklimat di Dewan Taming Sari, UiTM Cawangan Melaka ,  
Lawatan ke Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka.

Peserta: 10,852 orang Pelajar Minggu Interim di UiTM.

# PERTANDINGAN ROBOTIK KEBANGSAAN (NRC) 2018

## PERINGKAT NEGERI MELAKA

Anjuran: Unit STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan Sasbadi Sdb. Bhd. Pasukan bertanding sebanyak 178 pasukan daripada 63 buah sekolah rendah dan menengah di negeri ini telah terlibat.



Tarikh: 24 – 25 Julai 2018



Terdapat tiga kategori utama dipertandingkan iaitu regular (pro), regular (rookie) serta kategori yang baru diperkenalkan tahun ini iaitu reka cipta dan inovasi STEM. Setiap pasukan terdiri daripada tiga pelajar dan mereka perlu menghasilkan robot ciptaan masing-masing untuk menyelesaikan permasalahan iaitu bertemakan ‘Food Matters’. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan Melaka, Abu Bakar Sahari dan turut dihadiri Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Jasmi Abu Samah.

## TAKLIMAT MODUL BERSAMA PELAJAR INTERIM 2018



Tarikh: 23 Julai 2018,  
Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang  
Peserta: 250 pelajar Interim

## LAWATAN PENANDAARASAN DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG



Tarikh: 6 Julai 2018,

Lawatan penandaarasan bertempat di: Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Kuantan.

Peserta: Semua staf Perpustakaan Al-Bukhari seramai 24 orang  
yang melibatkan pegawai dan staf.

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA KAUNG

Pada 17 Julai 2018, telah berlangsungnya Program Galakan Membaca bersama Sekolah Kebangsaan Kuala Kaung dan dikendalikan oleh Perpustakaan Al-Bukhari. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang setengah hari program itu berlangsung di perpustakaan termasuklah aktiviti Info Hunt. Tentatif aktiviti ini telah dibangunkan khas oleh staf Perpustakaan Al-Bukhari sendiri.



Tarikh: 17 Julai 2018



Fokus utama aktiviti program adalah cara mendapatkan maklumat yang betul dan pembacaan yang efektif dalam menjalankan tugas. Seramai 40 orang pelajar sekolah rendah yang terlibat terdiri daripada pelajar darjah 1 sehingga 6. Rata-rata pelajar serta guru pengiring menyatakan rasa seronok menyertai program ini dan berharap agar dapat kembali lagi untuk menjalankan aktiviti di Perpustakaan Al-Bukhari.

## JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI PTAR 2018



Tarikh : 12 Julai 2018 (Khamis)

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh

Bilangan peserta : 100 orang

Objektif Program:

- Menggerakkan hubungan silaturahim di antara staf perpustakaan dengan staf UiTM.
- Memupuk semangat kerjasama di antara staf perpustakaan.



**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN KEPADA PELAJAR BARU INTERIM (MINGGU DESTINI SISWA)  
PTAR CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH**

Tarikh: 20 Julai 2018

Tempat: DK200B, DK150B, DK200A, DK150A, Pusat Islam dan Green House, UiTM Cawangan Perak,  
Kampus Tapah

Masa: 9.30 – 10.30 pagi

Peserta: 1550 orang pelajar baru daripada Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Sains Komputer dan  
Matematik dan Fakulti Perakaunan

**MODUL INTERIM SESI JULAI 2018  
PTAR CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH**

Tarikh: 20 Julai 2018

Tempat: DK200B, DK150B, DK200A, DK150A, Pusat Islam dan Green House, UiTM Cawangan Perak,  
Kampus Tapah

Masa: 9.30 – 10.30 pagi

Peserta: 1550 orang pelajar baru daripada Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Sains Komputer dan  
Matematik dan Fakulti Perakaunan

## MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2018 PTAR UITM CAWANGAN SABAH



Tarikh: 13 Julai 2018 (Jumaat)

Tempat: Aras 1, Menara Pustaka, PTAR UiTM Cawangan Sabah



# TAKLIMAT PENETAPAN MODUL INFORMATION LITERACY SKILLS, SEMPENA MINGGU INTERIM UITM CAWANGAN SABAH



Tarikh: 17hb Julai 2018

Tempat: Dewan Al- Bukhari, Dewan Tun Mustapha dan Dewan Ibnu Sina,  
Menara Ujana Sarjana, UiTM Cawangan Sabah

Peserta: 1,000 orang pelajar



## LAWATAN DARI SMK TABUAN JAYA



Tarikh: 11 Julai 2018

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan

Peserta: 40 orang pelajar dan 2 orang guru dari SMK Tabuan Jaya

## IFLA WLIC 2018 VOLUNTEERS TRAINING




## MAJLIS SAMBUTAN HARI LAHIR STAF (APRIL-JULAI) DAN MAJLIS HARI RAYA BERSAMA STAF PTAR



Tarikh: 16 Julai 2018

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Samarahan 2, UiTM Cawangan Sarawak

# PERKONGSIAN MAKLUMAT : PENETAPAN MODUL INFORMATION LITERACY SKILLS BAGI PELAJAR MINGGU INTERIM



Tarikh: 18 Julai hingga 8 Ogos 2018  
 Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak  
 Peserta: Pelajar Diploma Semester 1 (sepenuh masa) Sesi Julai – Ogos 2018

## LET'S READ: BLOOMING BOOKS



Tarikh: 26 Julai 2018,  
Tempat: UiTM Kampus Sg Buloh (Fakulti Perubatan & Pergigian)  
Tujuan: Promosi bacaan untuk menggalakkan budaya membaca

## MAJLIS RAYA UITM KAMPUS SUNGAI BULOH



Tarikh: 13 Julai 2018,  
Tempat: UiTM Kampus Sungai Buloh

# MODUL INFORMATION LITERACY SKILLS (ILS) UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS DUNGUN



Tarikh: Julai 2018

Sesi: 92 sesi kelas bagi Modul Information Literacy Skills (ILS) selama tiga minggu pengajian Interim Julai-Ogos 2018.

Peserta: 1, 260 orang pelajar Interim Julai-Ogos 2018 yang berdaftar di Kampus Dungun telah menghadiri Modul ILS pada setiap minggu, mengikut pembahagian modul yang ditetapkan. Kelas dijangka dilaksanakan sehingga 9 Ogos 2018.

## LAWATAN ANTARABANGSA



Tarikh: 2 Julai 2018

Lokasi: Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama

Peserta: Daegu Catholic University, Korea

Jumlah Pelawat : 20 (Pelajar: 2 (Koordinator), 10 (APB UiTM)

Anjuran : Office of International Affairs & APB

## PAMERAN LAMBAIAN KAABAH



Ibadah haji merupakan salah satu rukun Islam yang dituntut kepada setiap Muslim yang berkemampuan dari segi material dan fizikal menunaikannya sekali seumur hidup. Amalan haji ini dilaksanakan saban tahun oleh jutaan umat Islam dari seluruh dunia. Haji yang mabrur yang menjadi matlamat utama dalam mendirikan ibadat haji dapat dicapai melalui pelaksanaan Ibadah haji yang sempurna. Pameran Julai 2018 adalah kerjasama PTAR dengan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM. Pameran berlangsung sepanjang Julai 2018. Semoga dengan pameran ini dapat memberi manfaat pada semua warga universiti.



Objektif utama pameran adalah untuk memberi pendedahan berkenaan pelaksanaan ibadah Haji. Sehubungan itu, antara intipati pameran Julai 2018 adalah:

1. Poster Pameran Lambaian Kaabah
2. Poster –poster pelaksanaan ibadah haji
3. Replika Kaabah- (lokasi: Aras 2, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM)
4. Poster –poster lain berkenaan haji
5. Buku-buku berkaitan berkenaan haji

# TAHANIAH PEMENANG EMERALD ONLINE QUIZ UITM 2018



**1st Prize**  
Keyboard  
Armaggedon  
Gaming Sets with  
Mouse

**2nd Prize**  
Zealot B19  
Wireless LCD  
Headset



**3rd Prize**  
Loca Mobile  
Power Bank  
8,400 mAh



Enter the Emerald Online Quiz for a chance to win great  
prizes starting from 5 April 2018 to 5 June 2018

Terima kasih kepada semua yang menyertai dan tahniah kepada pemenang!  
Thank you to all who join and congratulate the winner!

1st Prize  
Muhammad Aliff Asyraf Bin Ruslan , UiTM Raub

2nd Prize  
Nur Farahin Salimi Azman Pewira, UiTM Kedah


3rd Prize  
Mastura Ab Malek, UiTM Sg. Buloh

Consolation Prize  
Hasmira Hamsi , UiTM Bukit Besi  
Hazlin Ibrahim , UiTM Melaka

## SAMBUTAN RAYA PTAR



Pada 2 Julai 2018 bersamaan 18 Syawal 1439H (Isnin) yang lalu telah diadakan sambutan jamuan Hari Raya, bertempat di perkarangan foyer berbumbung PTAR Utama. Majlis hari itu dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan kata aluan oleh Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat bin Adnan. Para hadirin dijamu dengan pelbagai jenis hidangan yang sinonim dengan hari raya sambil diiringi nyanyian lagu-lagu raya. Majlis yang diadakan dengan meriah serta berwarna warni tersebut berakhir pada jam 1.00 petang. Majlis yang diadakan secara tahunan ini memberi peluang kepada warga PTAR untuk meraikan kedatangan bulan Syawal bersama rakan sekerja serta mengeratkan silaturrahim di antara satu sama lain.



## SUMBANGAN HADIAH PTAR



PTAR telah memberi sumbangan : Sumbangan kepada Kolej Vokasional Datuk Seri Abu Zahar Isnin, Jasin, Melaka



PTAR telah menerima sumbangan:

Dari ALCC Media & Consultancy Sdn. Bhd.